

Menteri juga wajib tanda tangan surat akujanji

BH 29 JAN 2002

KUALA LUMPUR, Isnin – Syarat menandatangani surat akujanji khidmat setia yang diwajibkan ke atas pegawai dan kakitangan awam, kini diperluaskan kepada semua Menteri Kabinet, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebagai penjawat jawatan tertinggi dalam kerajaan, Menteri Kabinet sememangnya perlu menandatangani apabila pegawai awam lain sudah membuat ikrar itu.

Dr Mahathir berkata,

beliau akan menyampaikan keputusan yang baru diumumkankannya itu kepada semua menteri dan meminta mereka menandatangani surat akujanji berkenaan.

“Sudah tentu mereka juga perlu menandatangani...ia adalah sesuatu yang diwajibkan,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan program Hari Pelanggan dan Hari Kualiti Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah mewajibkan

pegawai kerajaan menandatangani surat akujanji itu adalah salah satu cara bagi meningkatkan lagi mutu pentadbiran kerajaan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta semua pihak tidak membuat dakwaan tidak berasas berhubung tujuan surat akujanji itu diperkenalkan.

“Jangan buat pelbagai dakwaan seperti itu. Kita mahu memantapkan perkhidmatan awam dan inilah yang kita lakukan,” katanya.

Terdahulu, dalam uca-

pannya, Dr Mahathir berkata, wujud kekurangan dalam peraturan surat akujanji itu sebelum ini kerana hanya kakitangan daripada Ketua Setiausaha kementerian ke bawah diwajibkan menandatangani.

“Sudah sampai masanya saya rasa menteri pun menandatangani akujanji dan ikrar khidmat setia kepada negara. Dengan itu kita menjadi anggota kerajaan yang cukup beriltizam terhadap tugas dan negara,” katanya.

Perdana Menteri yakin dengan cara itu mutu perkhidmatan awam akan terus meningkat serta dapat memuaskan hati pelanggan yang terdiri daripada rakyat termasuk diri sendiri.

“Kita semua pengeluar dan pengguna dalam bidang khidmat ini, fikirkanlah kalau orang lain tidak menjalankan kerja dengan sempurna apa akan jadi kepada kita.

“Ingatlah bila kita memberi perkhidmatan pula, tentulah orang lain tidak berpuas hati jika khidmat

kita gagal,” katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan pegawai Kementerian Kewangan supaya menjalankan tugas dengan dedikasi dan amanah, terutama dalam urusan kutipan hasil pendapatan negara.

Perdana Menteri berkata, ada negara tidak dapat membayar gaji kakitangan kerajaan kerana tidak mempunyai wang disebabkan sistem kutipan cukai yang tidak sistematik dan gejala rasuah di kalangan kakitangan kerajaan.